



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
TINGGI



LAPORAN PENCAPAIAN PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVE (PEO) POLITEKNIK MELAKA BAGI GRADUAN 2018

TAHUN 2022

**LAPORAN PENCAPAIAN PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)
POLITEKNIK MELAKA BAGI GRADUAN 2018**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Edisi Pertama 2022



PENERBIT:
Politeknik Melaka
No 2 Jalan PPM 10, Plaza Pandan Malim 75250 Melaka
No Tel: 06-3376000
No Faks: 06-337600
Laman Web Politeknik : <http://polimelaka.edu.my>

KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera
Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah kerana dengan rahmat dan izinNya, jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Politeknik Melaka (PMK) berjaya merealisasikan Laporan Pencapaian Program Educational Objective (PEO) bagi semua program yang terdapat di PMK. Sekalung syabas dan tahniah saya zahirkan khusus kepada penyelidik dan editor yang telah memberikan komitmen yang sangat tinggi dalam memastikan laporan ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Penghasilan laporan ini adalah untuk memastikan PMK sentiasa peka dengan pencapaian PEO graduan bagi semua program yang ditawarkan selain ianya selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi Program Diploma Perniagaan Antarabangsa (DPI) dan Diploma Akauntansi (DAT) serta *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC) bagi program Diploma.

Harapan saya, semoga dapatan kajian ini akan dapat membantu setiap program di PMK dalam melaksanakan penambahbaikan program sesuai dengan matlamat PEO. Semoga PMK terus utuh menjadi pusat pembekal graduan TVET yang berkualiti yang menjadi pilihan utama pelajar dan industri.

Sekian, terima kasih.

Pn Hajjah Normala binti Salimin
Timbalan Pengarah
Politeknik Melaka

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

SR HJ RAZALI BIN JOHARI

PENGARAH

POLITEKNIK MELAKA

PENASIHAT

HJH NORMALA BINTI SALIMIN

TIMBALAN PENGARAH

POLITEKNIK MELAKA

EDITOR

YUHANI BINTI JIMIAN(JAMI'AN)

PENYELIDIK

DR ROSNANI BINTI AFFANDI

AMEELIA BINTI IBRAHIM

AZLINA BINTI NORDIN

NURUL AYUNNI BINTI ABDUL LATIF

HISHAMUDDIN SHAH BIN IBRAHIM

MUHADIR BIN SAEMAN

SITI KHALIJAH BINTI SHUIB

NUR RAFIQAH BINTI ROSLY

ANUAR BIN ISMAIL

MAZLINA BINTI ABDUL GHANI

NURAZIYATI BINTI SUKARDI

NURUL NADIAH BINTI OTHMAN

NORZAINARIAH BINTI ABU HASAN

KHAIRULZAMIL BIN MD NAZIMUDDIN

HAIRANI BINTI AHMAD ZAINULDIN

TS AMIRUDIN BIN MOHD SALIM

NORLINA BINTI IBRAHIM

ARMARZILA BINTI ARIFIN

SAIFULNIZAM BIN ZAKARIAH

WAN MALINI BINTI WAN ABDUL RAZAK

NORIZAH BINTI MAHASAN

ZALZALAH BINTI MOHAMED HARUDIN

ISI KANDUNGAN

<i>Dapatan Penganalisaan Analisis PEO Bagi Program DKA</i>	1
<i>Dapatan Penganalisaan Analisis PEO Bagi Program DKM</i>	12
<i>Dapatan Penganalisaan Analisis PEO Bagi Program DJK</i>	17
<i>Dapatan Penganalisaan Analisis PEO Bagi Program DAT</i>	25
<i>Dapatan Penganalisaan Analisis PEO Bagi Program DPI</i>	31
<i>Penutup</i>	38

DAPATAN PENGANALISAAN ANALISIS PEO BAGI PROGRAM DKA

Analisis ini adalah berasaskan dapatan data daripada alumni Diploma Kejuruteran Awam Politeknik Melaka yang telah menamatkan pengajian 3 tahun selepas bergraduat. Bilangan alumni yang menyertai kajian ini adalah seramai 50 orang. Dapatan yang ditunjukkan ini juga adalah melibatkan dua bahagian yang dipaparkan iaitu:

1. Bahagian A: Maklumat Latarbelakang
2. Bahagian B: Maklumbalas Penguasaan Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran Graduan Berdasarkan 'Programme Educational Objectives (PEO)' Program DKA

Programme Educational Objective (PEO) Diploma in Civil Engineering Programme


1. *Integrate civil engineering principles and develop critical thinking to solve problem in design works and technically competent in engineering fields;*
2. *Display practical skills and communicate effectively in global work environment;*
3. *Possess in lifelong learning, social responsibilities, entrepreneurship;*
4. *Build leadership and teamwork skills, right altitude and professional ethics*

BAHAGIAN A: MAKLUMAT LATARBELAKANG (50 RESPON)

Gender / Jantina

Jantina


50 responses




Status Bekerja

Status bekerja

50 responses




Bekerja dalam bidang



Jenis pekerjaan

Jawatan

50 responses



- Penolong Jurutera (Assistant Engineer)
- Juruteknik (Technician)
- Pelukis pelan (Draftsman)
- Penyelia Tapak Bina (Site Supervisor)
- Jurutera (Engineer)
- Kerani Tapak (Site Clerk)
- Operator mesin/ kenderaan berat
- Berniaga

- Belum bekerja
- Lain-lain (sila nyatakan)
- Belajar
- student
- Penjawat Awam
- Surirumah
- Site Safety Supervisor
- receptionist


- Admin consultant civil and structure
- Quantity Surveyour
- quantity surveyor
- Student
- Student
- Project Admin
- Sales girl
- Pelajar

- BANKER
- Qc
- Site Safety Supervisor
- Section leader in Sales assistant
- Pendidik taska
- Customer Relations

Gaji

Gaji

44 responses




BAHAGIAN B: MAKLUMBALAS PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GRADUAN BERDASARKAN 'PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)' PROGRAM DKA

PEO 1 - Integrate civil engineering principles and develop critical thinking to solve problem in design works and technically competent in engineering fields.
(Mengintegrasikan prinsip kejuruteraan awam dan mengembangkan pemikiran kritikal kepada penyelesaian masalah dalam kerja-kerja reka bentuk dan teknikal yang cekap dalam bidang kejuruteraan.)


Analisis Berkaitan Soalan 1 dan Soalan 2:

	Maklumbalas daripada responden					
	Skor 1	Skor 2	Skor 3	Skor 4	Skor 5	Jumlah skor 4&5
S1. Berpengetahuan dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri	0	1	8	25	16	82%
	0	2.1%	16.0%	50.0%	32.0%	
S2. Mampu dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari.	0	3	6	24	17	82%
	0	6%	12%	48%	34%	

S1. Berpengetahuan dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri



S2. Mampu dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari.



Kesimpulan PEO 1:

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati peratusan responden yang memilih skor 4&5 bagi soalan 1 iaitu adalah berpengetahuan dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri ialah 82%. Manakala bagi soalan 2 iaitu mampu dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari memperoleh 82%. Ini menunjukkan skor bagi PEO 1 telah melepas nilai KPI 50%.


PEO 2 –Display practical skills and communicate effectively in global work environment.

(Mempamerkan kemahiran praktikal dan komunikasi dengan berkesan dalam persekitaran kerja global.)


Analisis Berkaitan Soalan 3 dan Soalan 4;

	Maklumbalas daripada responden					
	Skor 1	Skor 2	Skor 3	Skor 4	Skor 5	Jumlah skor 4&5
S3. Berkemahiran dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri.	0	0	6	22	22	88%
	0	0	12%	44%	44%	
S4. Berkomunikasi dengan berkesan di persekitaran perindustrian.	0	2	4	24	20	88%
	0	4%	8%	48%	40%	

S3. Berkemahiran dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri.



S4. Berkomunikasi dengan berkesan di persekitaran perindustrian.



Kesimpulan PEO 2:

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati peratusan responden yang memilih skor 4&5 bagi soalan 3 iaitu berkemahiran dalam bidang yang dipelajari bersesuaian dengan keperluan industri adalah 88%. Manakala bagi soalan 4 iaitu berkomunikasi dengan berkesan di persekitaran perindustrian memperoleh sebanyak 88%. Ini menunjukkan skor bagi PEO 2 telah melepas nilai KPI 50%.


PEO 3 - Possess in lifelong learning, social responsibilities and entrepreneurship.

(Mempunyai pembelajaran sepanjang hayat, tanggungjawab sosial dan keusahawanan.)


Analisis Berkaitan Soalan 5,6 dan Soalan 7;

	Maklumbalas daripada responden					
	Skor 1	Skor 2	Skor 3	Skor 4	Skor 5	Jumlah skor 4&5
S5. Bersedia untuk menerima kursus lanjutan untuk meningkatkan pengetahuan (pembelajaran sepanjang hayat)	0	0	11	13	26	78%
	0	0	22%	26%	52%	
S6. Peka dan mampu menjalankan tanggungjawab dengan menggunakan kemahiran dalam bidang.	0	0	9	19	22	82%
	0	0	18%	38%	44%	
S7. Mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di dalam pekerjaan	1	2	11	20	16	72%
	2%	2%	22%	40%	32%	


S5. Bersedia untuk menerima kursus lanjutan untuk meningkatkan pengetahuan (pembelajaran sepanjang hayat)



S6. Peka dan mampu menjalankan tanggungjawab dengan menggunakan kemahiran dalam bidang.



S7. Mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di alam pekerjaan



Kesimpulan PEO 3;


Berdasarkan carta bar di atas, didapati peratusan responden yang memilih skor 4&5 bagi soalan 5 iaitu bersedia untuk menerima kursus lanjutan untuk meningkatkan pengetahuan ialah 78%. Bagi soalan 6 pula iaitu peka dan mampu menjalankan tanggungjawab dengan menggunakan kemahiran dalam bidang memperoleh 82% manakala soalan 7 iaitu mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di alam pekerjaan memperoleh 72%. Ini bermaksud skor bagi PEO 3 telah melepas nilai KPI 50%.

PEO 4 - Build leadership and teamwork skills, right attitude and professional ethics
(Bina bakat kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan, sikap yang betul dan etika profesional)


Analisis Berkaitan Soalan 8 dan Soalan 9:

	Maklumbalas daripada responden					
	Skor 1	Skor 2	Skor 3	Skor 4	Skor 5	Jumlah skor 4&5
S8. Memimpin dalam kerja yang bercirikan pasukan di persekitaran perindustrian.	0	0	7	21	22	86%
	0	0	14%	42%	44%	
S9. Beretika dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari.	0	1	5	21	23	88%
	0	2	10%	42%	46%	

S8. Memimpin dalam kerja yang bercirikan pasukan di persekitaran perindustrian.



S9. Beretika dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari.



Kesimpulan PEO 4;

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati peratusan responden yang memilih skor 4&5 bagi soalan 8 iaitu memimpin dalam kerja yang bercirikan pasukan di persekitaran perindustrian adalah 86%. Manakala bagi soalan 4 iaitu beretika dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan kemahiran dalam bidang yang dipelajari memperoleh sebanyak 88%. Ini menunjukkan skor bagi PEO 4 telah melepas nilai KPI 50%.

ANALISIS ITEM SOAL SELIDIK

KOHORT 2018		
PEO	SOALAN	PERATUS SKOR 4 & 5
1	S1	82 %
	S2	82%
2	S3	88%
	S4	88%
3	S5	78%
	S6	82%
	S7	72%
4	S8	86%
	S9	88%

DAPATAN PENGANALISAAN ANALISIS PEO BAGI PROGRAM DKM

Analisis ini adalah berasaskan dapatan data daripada alumni Politeknik Malaysia yang telah menamatkan pengajian 3 tahun selepas bergraduat. Bilangan alumni yang menyertai kajian ini adalah seramai 30 orang. Dapatan yang ditunjukkan ini juga adalah melibatkan lima bahagian yang dipaparkan iaitu:

3. Bahagian A: Dapatan PEO 1 bagi Program DKM
4. Bahagian B: Dapatan PEO 2 bagi Program DKM
5. Bahagian C: Dapatan PEO 3 bagi Program DKM
6. Bahagian D: Dapatan PEO 4 bagi Program DKM
7. Bahagian E: Rumusan Kesemua PEO bagi Program DKM

Dapatan ini dianalisis berasaskan kepada Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai atau *Modified Nominal Group Technique* (MNGT) dengan melibatkan pandangan para alumni yang telah bergraduan melebihi tempoh 3 tahun setelah tamat pengajian. Justifikasi penggunaan teknik digunakan kerana ia berupaya mendapat dapatan yang tepat berasaskan kepada pengalaman para alumni sendiri sebagai peserta kajian. Hal ini sejajar dengan pandangan Mohd Ridhuan dan Nurulrabihah (2020; 2021); Deslandes, et. al (2010) yang menghujahkan bahawa Teknik Kumpulan Nominal berupaya mendapat dapatan secara mendalam berasaskan pengalaman subjek kajian yang terlibat disamping ia banyak digunakan dalam kajian yang memerlukan dapatan yang tepat dan kritikal sebagai asas kepada sesuatu keputusan.

Bahagian A: Dapatan PEO 1 bagi Program DKM

<i>PEO 1 Statement: Competent in knowledge and skills in the field of mechanical engineering according to industry requirement</i>			Peratus PEO 1
Bilangan Peserta	Elemen 1: Bekerja dalam bidang pengajian	Elemen 2: Pengetahuan diaplikasi kepada pekerjaan	
30	80.00 %	90.00 %	85.00 %

Bahagian B: Dapatan PEO 2 bagi Program DKM

<i>PEO 2 Statement: Effective in communication and contribute effectively as a team member with the capability of being a leader</i>			Peratus PEO 2
Bilangan Peserta	Elemen 1: Mampuberkomunikasi lisan denganbaik terhadap rakan sekerja	Elemen 2: Mampu menjadi ketua dalam menguruskan projek	
30	96.67 %	73.3 %	85.00 %

Bahagian C: Dapatan PEO 3 bagi Program DKM

<i>PEO 3 Statement: Ethically and socially responsible towards developing the community and the nation</i>			Peratus PEO 3
Bilangan Peserta	Elemen 1: Mengamalkan etika keselamatan dan kesihatan di tempat kerja	Elemen 2: Pernah terlibat dalam mana-mana program khidmat masyarakat (CSR)	
30	96.67 %	60.00 %	78.33 %

Bahagian D: Dapatan PEO 4 bagi Program DKM

<i>PEO 4 Statement: Able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the need of lifelong learning for a successful career advancement and able to adapt themselves with new technological challenges in mechanical fields</i>			Peratus PEO 4
Bilangan Peserta	Elemen 1: Pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti keusahawanan (berniaga)	Elemen 2: Ingin melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi (degree / sijil professional / kursus kompetensi)	
30	50.00 %	40.00 %	45.00 %

Bahagian E: Rumusan Kesemua PEO bagi Program DKM

PEO	STATEMENT	KPI TARGET (%)	PERCENTAGE SCORE	RESULT
PEO 1	<i>Competent in knowledge and skills in the field of mechanical engineering according to industry requirement</i>	35.0%	85.00 %	Tercapai
PEO 2	<i>Effective in communication and contribute effectively as a team member with the capability of being a leader</i>	20.0%	85.00 %	Tercapai
PEO 3	<i>Ethically and socially responsible towards developing the community and the nation</i>	20.0%	78.33 %	Tercapai
PEO 4	<i>Able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the need of lifelong learning for a successful career advancement and able to adapt themselves with new technological challenges in mechanical fields</i>	5.0%	45.00 %	Tercapai

Rujukan:

Mohd Ridhuan M.J. & Nurulrabiahah, M.N. (2020). *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, Qaisar Prestige. Bangi.

Deslandes, S.F., Mendes, C.H.F., Pires, T. d. O. & Campos, D.d.S. (2010). Use of the Nomina Group Technique and the Delphi Method to draw up evaluation indicators for strategies to deal with violence against children and adolescents in Brazil. *Rev. Bras. Saúde Matern.Infant.*, Recife, 10 (Supl. 1): 529-537.

DAPATAN PENGANALISAAN ANALISIS PEO BAGI PROGRAM DJK

PEMBANGUNAN SOALAN KAJI SELIDIK

Soalan kaji selidik ini telah dibangunkan oleh jawatankuasa PEO peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Ianya memfokuskan kepada item PEO untuk program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan) (DJK). Soalan adalah berbentuk skala likert ya atau tidak bagi mendapat jawapan yang telus dan mudah daripada graduan. Pengumpulan data untuk kajian ini dijalankan melalui hebahan media whatsapp kepada Penasihat Akademik dan pensyarah-pensyarah terus kepada para graduan.


PEO 1 : Practicing technician in electrical engineering related field

PEO 2 : Contributing to society with professional ethic and responsibilities

PEO 3 : Engaging in enterprising activities that apply engineering knowledge and technical skills

PEO 4 : Engaging in activities to enhance knowledge for successful career advancement

MAKLUMAT GRADUAN



Graduan 2018 merupakan graduan kohort Dis 2017 dan Jun 2018 seramai 83 orang. Seorang graduan Dis 2017 telah meninggal dunia. Keseluruhan yang menjawab soal selidik ini adalah seramai 82 orang (98.9%).

1. ANALISA PEO

PEO1


Practicing technician in electrical engineering related field

Mengamalkan juruteknik dalam bidang berkaitan kejuruteraan elektrik


TECHNICIAN IN ELECTRICAL AND ELECTRONIC FIELD

Beberapa soalan telah diberikan kepada graduan termasuklah data nama tempat mereka bekerja, julat gaji dan jawatan yang disandang. Berikut adalah analisis daripada soalan yang diberikan kepada graduan:


Status pekerjaan anda selepas 3 hingga 5 tahun anda menamatkan pengajian




Adakah anda sedang bekerja / pernah bekerja dalam bidang berkaitan elektrik / elektronik?



Pecahan pekerjaan dari 46 responden Bekerja dalam bidang



Julat gaji bagi responden yang bekerja



Keputusan purata keseluruhan :

ITEM	PERATUS
Adakah anda sedang bekerja / pernah bekerja dalam bidang berkaitan elektrik / elektronik?	83%
JUMLAH	83%

Kesimpulan : Pencapaian PEO1 bagi graduan yang mengamalkan bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik adalah sebanyak 83% secara keseluruhannya. Ini termasuklah mereka yang sedang menyambung pengajian dalam bidang yang sama.

PEO2

Contributing to society with professional ethic and responsibilities

Menyumbang kepada masyarakat dengan etika dan tanggungjawab profesional


Role of Graduates

Soalan yang diberikan kepada graduan untuk PEO2 melibatkan peranan mereka dalam masyarakat dan sumbangan mereka kepada komuniti. Berikut adalah antara **contoh soalan** yang diajukan kepada responden :

Soalan : Adakah anda mempunyai pengalaman dalam sebarang aktiviti komunikasi? (Contoh: penulisan laporan atau media baru atau media elektronik / pembentangan / menjadi panel atau penceramah atau pengerusi untuk sebarang majlis)




Soalan : Adakah anda pernah bekerja dalam pasukan di tempat kerja / semasa melanjutkan pelajaran?



Soalan : Adakah anda pernah menjadi ketua di tempat kerja

(contoh: pengurus pasukan / memberi arahan kepada rakan sekerja) / semasa melanjutkan pelajaran (contoh: menunjukkan tatacara kerja / mengetuai kumpulan makmal)?



Analisa data untuk **keseluruhan soalan** yang telah diberikan kepada responden adalah merujuk seperti jadual di bawah :

ITEM	PERATUS
Adakah anda mempunyai pengalaman dalam sebarang aktiviti komunikasi?	42
Adakah anda pernah bekerja dalam pasukan di tempat kerja / semasa melanjutkan pelajaran?	86
Adakah anda pernah menjadi ketua di tempat kerja	67
Adakah anda mempraktikkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja atau institusi anda	94.5
Adakah amalan pengurusan norma sosial atau pengurusan integriti di amalkan di tempat kerja / semasa melanjutkan pelajaran?	77.5
Adakah anda ahli mana-mana badan profesional atau kesatuan antarabangsa atau badan kawal selia / badan bertauliah	29.5
Pernahkah anda terlibat dalam sebarang aktiviti komuniti atau sosial	55
JUMLAH	65%

Kesimpulan : Pencapaian PEO2 bagi item peranan graduan adalah sebanyak 65% secara keseluruhannya.

PEO3

Engaging in enterprising activities that apply engineering knowledge and technical skills


melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan yang menggunakan pengetahuan kejuruteraan dan kemahiran teknikal

ENTERPRISING ACTIVITIES


Untuk soalan PEO3 melibatkan aktiviti keusahawanan graduan dan penyelidikan serta pembangunan mereka seperti tinjauan pasaran, peningkatan kualiti produk, perniagaan inovasi dan peningkatan proses. Berikut adalah antara **contoh soalan** yang diajukan kepada responden :

Soalan ini diberikan kepada graduan yang telah bekerja


Soalan : Adakah anda terlibat dalam sebarang bentuk perniagaan (dalam talian / luar talian)?



Soalan : Mod perniagaan



Soalan : Adakah aktiviti perniagaan anda melibatkan bidang elektrik / elektronik



Analisa data untuk **keseluruhan soalan** yang telah diberikan kepada responden adalah merujuk seperti jadual di bawah :

ITEM	PERATUS
Adakah anda terlibat dalam sebarang bentuk perniagaan (dalam talian / luar talian)?	25
Adakah aktiviti perniagaan anda melibatkan bidang elektrik / elektronik	12
Adakah anda terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) mananya produk / perkhidmatan / sistem / projek teknikal?	40
JUMLAH	36%

Kesimpulan : Pencapaian PEO3 bagi penglibatan graduan dalam perniagaan dan keusahawanan adalah sebanyak 36% secara keseluruhannya.

PEO4

Engaging in activities to enhance knowledge for successful career advancement

Melibatkan diri dalam aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan dalam kemajuan kerjaya mereka

Career advancement

Soalan untuk PEO4 adalah merujuk kepada aktiviti peningkatan ilmu dan status peningkatan kerjaya graduan. Berikut adalah keputusan analisa data purata keseluruhan :

ITEM	PERATUS
Adakah anda terlibat sebarang kursus berkaitan automasi industri dan proses kawalan?	51
Pernahkah anda terlibat dalam sebarang kursus / aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan dan / atau menyesuaikan diri dengan teknologi baharu / media baru	67
JUMLAH	59%

Kesimpulan : Pencapaian PEO4 bagi kemajuan kerjaya graduan adalah sebanyak 59% secara keseluruhannya.

ANALISA PENCAPAIAN KESELURUHAN PEO GRADUAN 2018 PROGRAM DJK

PEO	SASARAN	PENCAPAIAN	ULASAN
PEO 1 : TECHNICIAN IN ELECTRICAL AND ELECTRONIC FIELD	55%	83%	TERCAPAI
PEO 2 : ROLE OF GRADUATES	50%	65%	TERCAPAI
PEO 3 : ENTERPRISING ACTIVITIES	5%	36%	TERCAPAI
PEO 4 : CAREER ADVANCEMENT	20%	59%	TERCAPAI

Keseluruhannya, semua PEO mencapai sasaran yang ditetapkan. Graduan untuk tahun 2018 ini telah mencapai semua garis PEO yang disasarkan.

DAPATAN PENGANALISAAN ANALISIS PEO BAGI PROGRAM DAT

1.0 PENGENALAN

Kajian Pencapaian Programme Educational Objectives (PEO) ini telah dilaksanakan ke atas 133 orang graduan Diploma Akauntansi Sesi Disember 2017 dan Jun 2018. Kajian ini telah dibuat dengan menggunakan Google Form yang telah disebarluaskan kepada graduan dengan kerjasama Penasihat Akademik. Item soal selidik yang dibangunkan adalah berdasarkan keperluan PEO dan telah dibangunkan oleh Jawatankuasa PEO Jabatan Perdagangan Politeknik Melaka.

2.0 PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)

Terdapat empat Programme Educational Objectives (PEO) yang perlu dikaji bagi membuat kesimpulan pencapaian keseluruhan Program Diploma Akauntansi Politeknik Melaka antaranya ialah:

PEO 1: knowledgeable and technically competent in accounting discipline in line with the industry requirement.


PEO 2: effective communication and demonstrating good leadership qualities in an organization.

PEO 3: capable to solve problems in business situations innovatively, creatively, and ethically through a sustainable approach.


PEO 4: able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the need for life-long learning for successful career advancement.

3.0 DATA DEMOGRAFI GRADUAN


Kajian ini telah dilakukan ke atas 133 orang graduan Diploma Akauntansi tahun 2018 yang terdiri daripada 105 orang graduan perempuan dan 28 orang graduan lelaki (rujuk Rajah 1) di bawah. Manakala graduan berbangsa Melayu merupakan responden tertinggi.




Rajah 1: Jantina Graduan



Rajah 2: Bangsa Graduan



Rajah 3: Jumlah Graduan




Rajah 4: Pekerjaan Graduan

Berdasarkan Rajah 3 di atas, jumlah graduan kohort Dis 2017 adalah seramai 78 orang dan jumlah graduan kohort Jun 2018 adalah seramai 55 orang. Manakala daripada jumlah berkenaan, 55 orang graduan adalah bekerja mengikut bidang pengajian dan 44 orang graduan bekerja bukan mengikut bidang, diikuti dengan graduan yang menyambung pengajian seramai 33 orang dan 3 orang graduan berkenaan adalah bekerja sendiri (usahaawan).

4.0 Analisa Dapatan PEO


PEO 1: Knowledgeable and technically competent in accounting discipline in line with the industry requirement.



Rajah 5: Dapatan PEO 1

Merujuk kepada Rajah 5 di atas, didapati bahawa 68% graduan bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang diperlukan oleh industri dan mampu untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Manakala 12% daripada graduan berkenaan sangat bersetuju dengan PEO 1 ini dan sekaligus menzahirkan bahawa mereka adalah kompeten untuk melaksanakan tugas berkaitan perakaunan di industri. Manakala 14% graduan yang menjawab tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju itu perlu diberi perhatian dari segi kemahiran dan kompetensi graduan di dalam bidang perakaunan, agar pencapaian bagi PEO 1 boleh ditambahbaik.


PEO 2: Effective communication and demonstrating good leadership qualities in an organization.



Rajah 6: Dapatan PEO 2

PEO 2 ini dinilai berdasarkan penglibatan graduan mengetuai atau menguruskan mana-mana projek atau aktiviti. Berdasarkan Rajah 6 di atas menunjukkan bahawa 59% graduan mempunyai *soft skill* yang baik dan 18% lagi mempunyai kemahiran komunikasi dan leadership yang sangat baik. Manakala baki 23% graduan yang dilihat mempunyai *soft skill* yang kurang memberangsangkan yang perlu diberi perhatian agar peratusan bagi PEO 2 ini boleh dipertingkatkan bagi memastikan kemahiran komunikasi dan leadership graduan Diploma Akauntansi Politeknik Melaka berada di tahap yang lebih baik.


PEO 3: Capable to solve problems in business situations innovatively, creatively, and ethically through a sustainable approach.



Rajah 7: Dapatan PEO 3

Bagi PEO 3, hasil dari soal selidik yang telah diedarkan, didapati bahawa 34% graduan kurang kompeten dari segi menyelesaikan masalah dalam situasi perniagaan secara inovatif, kreatif dan beretika melalui pendekatan yang mampan. Walaubagaimanapun, 66% graduan mampu melibatkan diri dengan baik dalam proses penyelesaian masalah di dalam organisasi secara inovatif, kreatif dan beretika melalui pendekatan yang mampan.

PEO 4: Able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the need for life-long learning for successful career advancement.



Rajah 8: Dapatan PEO 4

Dapatan bagi PEO 4, menunjukkan bahawa lebih 85% graduan bersetuju bahawa mereka mampu menunjukkan kemahiran keusahawanan dan mengiktiraf keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk kemajuan kerjaya yang berjaya. Cuma terdapat sebilangan kecil graduan iaitu sekitar 14% graduan yang kurang setuju bahawa mereka boleh menunjukkan kemahiran keusahawanan dan yakin dengan keperluan pembelajaran sepanjang hayat di dalam peningkatan kerjaya.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pencapaian Programme Educational Objectives (PEO) bagi Program Diploma Akauntansi Politeknik Melaka adalah melebihi 70% yang mana angka ini masih boleh ditambahbaik bagi keperluan pelajar dan graduan Diploma Akauntansi yang akan datang.

DAPATAN PENGANALISAAN ANALISIS PEO BAGI PROGRAM DPI

1.0PENGENALAN

Satu kaji selidik diadakan secara atas talian menggunakan kaedah *google form* telah dibuat untuk menilai pencapaian PEO Program Diploma Perniagaan Antarabangsa kepada pelajar yang telah bergraduasi pada Sesi Dis 2017 dan Jun 2018. Seramai 36 (67%) daripada 54 pelajar telah memberi maklum balas. Hasil kaji selidik mendapati bahawa keseluruhan PEO telah memenuhi pencapaian. Ini menunjukkan bahawa PEO untuk Program Diploma Perniagaan Antarabangsa berjaya dicapai.

2.0PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES (PEO)

Terdapat empat Programme Educational Objectives (PEO) yang perlu dikaji bagi membuat kesimpulan pencapaian keseluruhan Program Diploma Perniagaan Antarabangsa, Politeknik Melaka iaitu:

PEO 1: Knowledgeable and technically competent in international business discipline in line with the industry requirement.


PEO 2: Effective in communication and demonstrate good leadership quality in an organization.

PEO 3: Capable to solve problems in international business situations innovatively, creatively and ethically through sustainable approach.


PEO 4: Able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the need for life-long learning for successful career advancement.

3.0 DATA DEMOGRAFI GRADUAN


Seramai 36 orang graduan (67%) daripada 54 orang graduan Program Diploma Perniagaan Antarabangsa telah memberi maklum balas iaitu 27 orang perempuan dan 9 orang lelaki. 30 orang graduan tahun 2018 dan 6 orang bagi tahun 2017 telah memberikan maklumbalas ke atas kajian ini. Manakala graduan berbangsa Melayu merupakan responden tertinggi (rujuk rajah 1).




Rajah 1: Kaum Responden




Rajah 2: Jantina Responden




Rajah 3: Tahun Graduasi Responden




Rajah 4: Umur Responden



Rajah 5: Status Pekerjaan Responden




Rajah 6: Sektor Pekerjaan Responden




Rajah 7: Peratus Responden yang Menjadi Usahawan


4.0 ANALISA DAPATAN PEO




PEO 1 tercapai sebanyak 50% apabila pelajar yakin untuk berkongsi pendapat dan kemahiran kepada orang lain (dalaman/luaran) serta bekerja di dalam bidang atau industri berkaitan bidang perniagaan antarabangsa sebanyak 47.2%. Walaubagaimanapun, penambahbaikan berterusan boleh dilakukan ke atas pelajar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui latihan atau kursus-kursus yang dijalankan oleh politeknik.



PEO 2 tercapai sebanyak 55.6% apabila pelajar kompeten dari sudut penulisan dan pertuturan selari dengan keperluan industri. Sebanyak 55.6% pelajar juga lebih berkeyakinan apabila mereka mempunyai pengalaman dalam aktiviti berkomunikasi seperti dalam penyediaan kertas kerja, penulisan laporan, pembentangan dan menjadi panel atau speaker bagi sesuatu program. Perkara yang boleh ditambah baik dan dilihat secara kasar adalah kebanyakan pelajar yang telah tamat bekerja dengan syarikat lain dan tidak berpengalaman menguruskan syarikat dan pekerja sendiri.



PEO 3 tercapai sebanyak 63.9% apabila pelajar terlibat dalam proses membuat keputusan ketika mereka bekerja dalam sesebuah organisasi. ini menunjukkan bahawa pelajar telah berjaya mengaplikasi apa yang telah dipelajari semasa belajar di politeknik melaka melalui cara penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan beretika. Penambahbaikan boleh dilakukan dengan menjalankan aktiviti (csr) yang lebih banyak agar pelajar mendapat pendedahan berkaitan program tersebut.



PEO 4 tercapai sebanyak 50% melalui penglibatan pelajar dalam keusahawan di mana mereka boleh menunjukkan kemahiran keusahawanan dan mengenalpasti keperluan pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dipelajar sebagai persediaan untuk kerjaya yang lebih baik. Pencapaian juga dicapai melalui usaha pelajar yang menghadiri kursus tambahan sebagai kemahiran peningkatan kendiri iaitu sebanyak 44.4%. Untuk menambahbaik PEO 4, pelajar perlu mendapat galakan dan peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan kemajuan diri.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Programme Educational Objectives (PEO) bagi Program Diploma Perniagaan Antarabangsa, Politeknik Melaka adalah melebihi 50% yang mana angka ini masih boleh ditambahbaik bagi keperluan pelajar dan graduan Diploma Perniagaan Antarabangsa pada masa akan datang.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, kesemua program telah pun berjaya menghasilkan laporan pencapaian PEO bagi graduan tahun 2018. Daripada data dan laporan yang diperolehi, kesemua 4 daripada 5 program iaitu DKA, DKM, DJK dan DAT menunjukkan pencapaian PEO yang paling tinggi bagi implementasi pengetahuan (PEO 1) dalam bidang dengan purata pencapaian >80% . Manakala PEO yang mengukur indikator keusahawanan bagi kesemua program memperolehi pencapaian paling minimum dengan peratus pencapaian diantara 36-77%. Namun, ianya masih lagi mencapai KPI yang disasarkan bagi setiap program yang terlibat. Antara faktor utama yang menyumbang kepada skor adalah seperti situasi semasa iaitu fenomena pandemik Covid19 yang melanda dunia dimana negara Malaysia juga turut terkesan dari segi pelaksanaan aktiviti sosial dan ekonomi.

Daripada dapatan yang diperolehi ini, adalah diharapkan supaya ianya dapat membantu penambahbaikan program- agar mencapai sasaran KPI program dan terus kekal relevan untuk masa-masa akan datang.